



PERUBATAN ASLI MELAYU

OLIH:
MOHAMAD YUSOFF ISMAIL

1977

ISI KANDONGAN.

Penghargaan	muka surat
Pengenalan	ii - iv
1. Sejarah Dan Perkembangan Perubatan Asli Melayu.	2-6
a) Corak Penghidupan Dalam Masyarakat Melayu.	
b) Struktur Hidup Masyarakat Melayu Dan Kepercayaananya.	
2. Peranan Ahli-ahli Perubatan Asli Melayu.	7-20
a) Bomoh Dan Peranannya.	
b) Pawang Dan Peranannya.	
c) Bachin Dan Peranannya.	
d) Bidan Dan Peranannya.	
3. Jampi-jampi Dan Penggunaannya Dalam Perubatan Asli Melayu.	21-31
a) Jampi Penawar.	
b) Jampi Pemikat.	
c) Jampi Pemanis.	
d) Jampi Pengadang.	
4. Ramuan-ramuan Asli Dan Kegunaannya Didalam Perubatan Asli Melayu.	32-46
a) Tumbuh-tumbuhan Didalam Perubatan Asli Melayu.	
b) Binatang-binatang Didalam Perubatan Asli Melayu.	

PENGHARGAAN.

Disini saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada mereka-mereka yang telah membantu saya dengan memberikan keterangan-keterangan serta bahan-bahan yang perlu mengenai thisis ini. Juga tidak lupa saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada rakan-rakan, orang persaorangan, serta pe-hak-pehak yang berkenaan yang telah bekerjasama untuk menyiapkan thisis ini. Setinggi-tinggi penghargaan terima kasih juga diucapkan kepada:-

1. Nik Abd. Rahman bin Hj, Nik Dir -(bomoh diraja)
Kampong Tok Pasir,
Batu 2 $\frac{1}{2}$, Jalan Pengkalan Chepa,
Kota Bharu, Kelantan.
2. Abd. Shukur bin Abdullah -(penjual ubat)
Batu 9, Tangga Batu,
Melaka.
3. Bahagian perkhidmatan pembaca dan rujukan per-
pustakaan Tun Abdul Razak, ITM, Shah Alam.
4. Perpustakaan Muzium Negara, Kuala Lumpur.

PENGENALAN.

Malaysia yang terkenal dengan keindahan alam semula jadinya telah banyak menarik perhatian para pelancong dari luar negeri. Tumbuh-tumbuhan yang hidup subur dan segar bukan saja mengindahkan pandangan muka-bumi ini, malah telah banyak memberi ilham kepada-pecinta seni. Ianya telah juga memberi ilham kepada gulungan-gulungan bomoh, dukun, bathin dan tabib.

Nenek-moyang kita dizaman dahulu banyak mempelajari berbagai ilmu pengetahuan, Mereka juga mengetahui beberapa jenis ilmu perubatan asli dan kegunaan berbagai ilmu perubatan asli dan kononnya dijadikan ramuan ubat. Kegunaan tumbuh-tumbuhan asli adalah meliputi bahagian daun, batang, kulit, akar dan bunga atau buah pokok tersebut. Ramuan-ramuan asli yang dijadikan penawar atau ubat adalah bagi mengubati dan menyembuhkan beberapa penyakit yang tertentu. Pengetahuan mengenai ubat-ubat dan ramuan-ramuan asli diwarisi oleh satu jenerasi kesatu jenerasi yang seterusnya.

Hingga kehari ini tidak terdapat sebarang penyelidikan yang khusus dibuat mengenai ubat-ubat asli Melayu. Begitu juga hingga kini tidak ada sebarang usaha atau inisiatif yang ditunjukkan oleh mana-mana pihak yang berkenaan berhubung dengannya. Usaha-usaha untuk mengekalkan dan memelihara perubatan asli jika tidak dilaksanakan, mungkin ianya akan hilang lenyap begitu sahaja. Mutu perubatan asli akan terjejas dan pengaruh kepercayaan masyarakat akan berkurangan. Dalam konteks inilah yang menimbulkan minat dan hasrat saya untuk mengkaji apakah bentuk perubatan asli yang sebenarnya.

Pada hakikatnya, tujuan saya memilih tajuk yang sedemikian adalah kerana desakan keinginan mengetahui segala jenis perubatan yang terlibat dan juga ramuan-ramuan ubat yang biasa digunakan. Disamping itu, thisis ini juga dapat mengumpulkan segala corak dan jenis-jenis perubatan asli yang masih digunakan hingga kehari ini. Selain dari itu ianya juga diharapkan akan menambahkan pengaruh kepercayaan masyarakat terhadapnya. Masyarakat yang tenggelam dik arus pembangunan negara diwasa ini kurang mempercayai tentang kebolehan dan keistimewaan yang terdapat didalam perubatan asli Melayu. Ini mungkin juga disebabkan pengaruh sains dan teknologi yang begitu pesat sekali.

Dengan kelahiran thisis ini dapatlah ianya menyedarkan dan membuktikan kepada rakyat tentang mutunya yang sebenar. Disamping itu perubatan asli Melayu juga boleh disifatkan sebanding dengan lain-lain perubatan moden didalam beberapa bidang tertentu. Perubatan asli Melayu yang tidak banyak menggunakan belanja rawatan adalah disebabkan oleh penggunaan bahan-bahan asli sebagai ramuan ubatnya. Ramuan-ramuan ubat yang digunakan mempunyai khasiat-khasiat yang tertentu. Tiap-tiap penyakit mempunyai ramuan ubat yang tersendiri. Oleh yang demikian Thisis ini juga dapat memuatkan serba sedikit ramuan-ramuan ubat untuk beberapa jenis penyakit yang tertentu. Selain dari pada itu juga dibincangkan serba ringkas peranan ahli-ahli perubatan asli Melayu dan sebagainya.